



Delegasi Jejak Sakura UMS 2013 melawat TUFS (dari kiri) Emyrul Syaftiq Harun, Mohd Syamsul Samsuddin, Dr Khairul Anuar Mohamad, Matsushita Daisuke, Dr Kasim, Dr Soda Naoki, Mohd Juhar dan dua ahli MPP Nd Najib Rubin serta Sharifah Yong Nadia Omar Salleh.

Jejak Sakura UMS

Oleh Salbinous Saribun
bhvarsiti@mediaprima.com.my

► Tokyo

Rombongan Jejak Sakura Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2013 melawat ke universiti sekitar ibu negara Jepun bagi meneroka kerjasama dengan institusi dari negara matahari terbit itu.

Delegasi yang diketuai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur itu turut disertai Pensyarah Kanan

B4 20.6.13 VF

UMS, Dr Khairul Anuar Mohamad dan lima ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS.

Pada lawatan pertama, delegasi itu mengunjungi perpustakaan, dewan kuliah, kompleks sukan dan asrama pelajar kampus Tokyo University of Foreign Studies (TUFS) dengan diiringi pegawai universiti terabit, Matsushita Daisuke.

Pengajian bahasa Melayu

Rombongan juga menerima taklimat mengenai pendi-

dikan dan penyelidikan universiti berkenaan yang disampaikan Pengarah Hal Ehwal Akademik TUFS, Prof Dr Miyazaki Koji dan Ketua Jabatan Program Bahasa Melayu TUFS, Prof Madya Dr Soda Naoki.

Dr Soda berkata, program pengajian Melayu adalah satu daripada program yang ditawarkan di TUFS.

Katanya, walaupun ada banyak universiti di Jepun menawarkan Pengajian Bahasa Melayu sebagai subjek elektif atau subjek bahasa kedua, di Jepun hanya beberapa universiti menawarkan ijazah sarjana

dalam pengajian Melayu.

Beliau berkata, bahasa Melayu mula diajarkan di Jepun pada 1908.

Pensyarah Malaysia

Rombongan kemudian menyertai kuliah bahasa Melayu yang dikendalikan pensyarah dari Malaysia, Prof Madya Faridah Mohamed.

Ahli delegasi berasa kagum melihat ketekunan pelajar tempatan mempelajari bahasa Melayu selain kemampuan menulis dan membaca tulisan Jawi.

Dr Kasim menjemput pelajar program pengajian bahasa Melayu melawat

“
**AHLI DELEGASI
 BERASA KAGUM
 MELIHAT
 KETEKUNAN
 PELAJAR JEPUN
 MEMPELAJARI
 BAHASA
 MELAYU SELAIN
 KEMAMPUAN
 MENULIS DAN
 MEMBACA
 TULISAN JAWI”**

UMS dan turut serta dalam Program Inap Desa untuk mempelajari dialek, adat dan budaya masyarakat Sabah.

Presiden MPP UMS, Mohd Juhar Harun, berkata beliau terpegun dengan kefasihan bahasa Melayu pelajar Jepun.

"Diharap satu jalinan kerjasama mampu diwujudkan membabitkan pelajar TUFS dengan UMS sebagai usaha membantu mereka mendalami ilmu bahasa Melayu," katanya.

Rombongan UMS kemudian melawat University Electro-Communications (UEC), universiti sains dan teknologi bidang sains maklumat dan komputer, kejuruteraan elektronik, mekatronik, fizik dan kimia gunaan serta sains laser.